

OPEC dan kita: *Huraian Dr. M*

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Isnin — Malaysia belum layak menganggotai Organisasi Negara Pengeksport Minyak (OPEC), Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, menegaskan di Dewan Rakyat hari ini.

Bagaimanapun, katanya, tidak semestinya Malaysia terikat dengan OPEC untuk mendapatkan keuntungan dari jualan minyak.

Katanya, Malaysia boleh menggunakan harga minyak yang ditetapkan oleh OPEC untuk menetapkan harga minyak keluaran negara ini.

Beliau menegaskan demikian kepada wakil Panti, Datuk Yusof Malim Kuning, yang ingin tahu bilakah Malaysia akan menganggotai OPEC.

Dalam jawapannya kepada Encik Chan Teck Chan (BN-Kota Melaka) dan Encik Ismail Said (BN-Kemaman), Perdana Menteri menjelaskan, dasar mengawal keluaran minyak negara sejak 1980, boleh diubahsuai dari semasa

ke semasa mengikut keperluan Malaysia.

Selanjutnya, Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan bahawa potensi minyak negara pada awal Januari tahun lalu dianggarkan 2.5 ribu juta tong.

Sejak Januari tahun yang sama, 96 telaga minyak dicarigali dan 10 darinya mengandungi minyak sementara 16 lagi mengandungi gas.

Pada masa ini, katanya, Petronas Carigali sedang menjalankan kerja mencarigali di kawasan luar pantai Sabah dan Trengganu.

Mengenai kilang penapis di Trengganu dan Melaka, Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan, keduanya akan dimiliki sepenuhnya oleh Petronas.

Loji penapis di Trengganu dijangka mempunyai keupayaan memproses 30,000 tong minyak mentah sehari untuk kegunaan dalam negeri.